

Dagang: Negara maju diselar

19 NOV 1981
KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyelar negara-negara maju yang menjadikan perdagangan antarabangsa sebagai satu permainan yang menguntungkan mereka sahaja dan sebaliknya merugikan negara-negara sedang membangun termasuk Asean.

Perdana Menteri berkata, negara-negara tersebut menggunakan berbagai cara dan langkah menyebabkan kerajaan negara-negara Asean menghadapi kesukaran mengekalkan kestabilan ekonominya.

Menurutnya, sebaik sahaja Asean mula mengambil langkah bergerak ke arah perindustrian dan mempelbagai kegiatan ekonomi dengan memproses lebih banyak barangan utamanya, pasaran di negara-negara perindustrian yang utama mula menukar 'peraturan-peraturan permainan' tersebut.

"Negara-negara tersebut, kecuali Jepun, seolah-olah terperangkap di dalam jerat kadar faedah yang tinggi, harga pengguna yang tinggi, permintaan upah yang tinggi, pelaburan yang rendah, pengeluaran rendah dan pertumbuhan yang juga rendah atau tidak ada langsung."

"Di dalam dunia yang

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan dasarnya di Persidangan Ekonomi Asean-Amerika Syarikat di sini, petang ini.

Kecewa

Beliau berkata, pada masa ini, program perindustrian Asean tergendala kerana kemelesetan dunia tidak membolehkannya mendapat hasil yang cukup dari barangan-barangan utamanya.

"Kita juga tidak dapat menjual barang-barang pengeluaran yang telah dapat kita hasilkan dengan berkesan dan pada harga yang bersaing disebabkan oleh bertambahnya sentimen perlindungan di negara-negara maju," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, Asean juga kecewa dengan sikap negara-negara industri utama yang lambat keluar dari kemerosotan mereka dan memerangi inflasi.

saling bergantung ini, stagflasi mereka yang berterusan menimbulkan tanda tidak sihat di dalam pertumbuhan dan perdagangan dunia, dan ini merugikan negara-negara kurang maju yang tidak mampu berhadapan dengan keadaan seumpama itu," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, salah satu perhatian utama Asean ialah mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Menurutnya, Asean percaya sepenuhnya bahawa kekuatan dan kestabilan sesebuah negara tidak banyak bergantung kepada pasukan bersenjata, tetapi lebih penting kepada keupayaannya memperhebatkan pembangunan ekonomi dan menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada rakyat.

Beliau berkata, dasar ekonomi dan usaha-usaha pembangunan Asean direka untuk memberi sumbangan terhadap kestabilan politik.

"Kejayaan ekonomi semata-mata tanpa memberi pertimbangan kepada kebajikan dan kemahukan rakyat telah menunjukkan menjadi satu faktor ketidakstabilan, dan juga satu sebab kejatuhan kerajaan-kerajaan," ujarnya.